

## KENYATAAN SEBUTHARGA



### JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN BAHAGIAN PERKHIDMATAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL

1. Sebutharga adalah dipelawa kepada kontraktor Bumiputra yang berdaftar dengan **KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN (SISTEM iDAFTAR)** dan Lembaga Pembangunan Industri dan Pembinaan Malaysia (CIDB), mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputra (STB) serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi Sebutharga berikut :

NO. SEBUTHARGA	JPS/BPME/(SH)/N/P/MK/03/25
TAJUK:	KERJA-KERJA MENAIKTARAF RUMAH PAM JANING DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI DAERAH PADANG TERAP KEDAH DARUL AMAN
HARGA DOKUMEN	RM10.00 Senaskah. Bayaran ini tidak akan dikembalikan
TARIKH BUKA	13.02.2025 (Khamis), JAM 12.00 TENGAH HARI
TARIKH TUTUP	20.02.2025 (Khamis), JAM 12.00 TENGAH HARI

2. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai Sebutharga ini hendaklah berdaftar dengan **KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN (SISTEM iDAFTAR)** dan Lembaga Pembangunan Industri dan Pembinaan Malaysia (CIDB), mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputra (STB) di bawah bidang berikut:

<b>GREED</b>	<b>KATEGORI</b>	<b>PENGKHUSUSAN</b>
<b>G2</b>	<b>ME</b>	<b>M22</b> (SISTEM PAM)

\*Penyebut harga yang mempunyai Pengkhususan M22 sahaja dibenar untuk menyertai sebut harga ini.  
(TIDAK DIBENARKAN KEBENARAN KHAS daripada CIDB bagi Penyebut harga yang tidak mempunyai Pengkhususan M22)

3. Syarikat yang berminat dan berkelayakan seperti tertera sahaja hendaklah membuat **PERAKUAN** menyertai sebutharga di sistem **iDAFTAR** (<https://idaftar.kedah.gov.my>) dan menjelaskan bayaran secara atas talian mengikut No. Tawaran iaitu **JPS/BPME/(SH)/N/P/MK/03/25** bagi jumlah **RM10.00 senaskah** sebelum dokumen softcopy sebut Harga dikemukakan kepada syarikat. Urusan **penjualan** dokumen Tawaran **dibuka sepanjang masa setiap hari kecuali pada jam 12.00 tengah malam hingga 12.30 pagi** bagi penyelenggaraan transaksi elektronik pihak bank.
4. Syarikat dikehendaki menyemak no. siri kawalan dokumen yang diberikan melalui sistem **iDAFTAR** dan melengkapkan no. siri Kawalan Dokumen pada setiap halaman muka depan dokumen sebut Harga pada ruangan kotak disediakan. Kegagalan ini, boleh mengakibatkan dokumen ditolak.
5. Lawatan Tapak/Taklimat adalah **DIWAJIBKAN** dan hanya kontraktor yang menghadiri lawatan tapak/taklimat dibenarkan membeli dokumen sebut harga. Kontraktor hendaklah melaporkan diri pada **12/02/2025 (Rabu) Jam 10.00 pagi** di bilik Mersyuarat Jabatan Pengairan dan Saliran, Bahagian Perkhidmatan

Mekanikal Dan Elektrikal Sungai Petani Kedah (Lokasi koordinat: 5° 37' 25.1508" N, 100° 32' 18.4812" E)

6. **Kontraktor yang berminat menghadiri sesi Lawatan Tapak / Taklimat Sebut harga** diminta untuk memberi **maklumbalas pengesahan** kehadiran secara atas talian melalui sistem Aplikasi iDAFTAR melalui pautan (<https://idaftar.kedah.gov.my>) **sebelum atau pada 12/02/2025**. Dokumen sebut harga ini akan dikeluarkan kepada kontraktor yang berkeelayakan dan menghadiri lawatan tapak/ taklimat sahaja. Sila bawa bersama Sijil Perolehan kerja Kerajaan, Sijil Perakuan Pendaftaran dan Sijil Taraf Bumiputra semasa lawatan tapak. Hanya Penama Syarikat di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat/Sijil perolehan kerja Kerajaan (SPKK)/Sijil Taraf Bumiputra (STB) sahaja boleh menghadiri lawatan tapak/taklimat sebut harga.
7. Tuan-tuan dinasihatkan untuk memastikan tarikh **SAH LESEN** sekurang kurangnya **TIGA(3) BULAN** dari tarikh tutup sebut harga. **KEGAGALAN** berbuat demikian **BERKEMUNGKINAN BOLEH MENJEJASKAN** peluang bidaan yang dimasuki oleh Kontraktor
8. Sebut Harga ini ditutup pada **20/02/2025 (Khamis) SEBELUM JAM 12 TENGAHARI**. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi, di cetak dan disahkan, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dan dicatatkan No. Sebut Harga **JPS/BPME/(SH)/N/P/MK/03/25** pada sebelah atas kiri sampul dengan terang dan jelas **dan dimasukkan terus ke dalam peti tawaran sebut harga** yang disediakan di Pejabat:  
  

**BAHAGIAN PERKHIDMATAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL,  
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI KEDAH,  
KM6, JALAN KUALA KETIL, 08000 SUNGAI PETANI KEDAH DARUL AMAN**
9. **Syarikat boleh menggunakan perkhidmatan kurier** untuk penghantaran dokumen sebut harga. Syarikat dikehendaki memastikan sendiri bahawa dokumen selamat dihantar dan dimasukkan ke peti tender yang disediakan oleh Jabatan dengan ejen perkhidmatan kurier dalam masa ditetapkan. **Kerajaan tidak bertanggungjawab atas kelewatan penerimaan dokumen syarikat.**
10. **Pihak Kerajaan** tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali dari mana-mana tawaran. Sebarang pertanyaan, hubungi urusetia perolehan di talian **04-4214537** atau email [mekanikal@didkedah.gov.my](mailto:mekanikal@didkedah.gov.my)

.....  
(Normi Shahrizal Bin Miswan)

Ketua Penolong Pengarah Mekanikal  
Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Kedah,  
Bahagian Perkhidmatan Mekanikal Dan Elektrikal,  
Kedah Darul Aman.

Tarikh : 4/2/2025

Sk Pengarah JPS Kedah  
Lembaga pembangunan industri Pembinaan Malaysia (CIDB)  
Pusat Khidmat Kontraktor (Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan)  
Papan Kenyataan & Fail Timbul